Covid-19: Cabaran Dan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Teradun

Simah Mamat[1], Che Aleha Ladin[2], Azni Yati Kamaruddin[3], Siti Mariah Mazan[4] & Nor Asiah Ismail[5]

[1234]Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

[5]Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

simah@usim.edu.my, chealeha@um.edu.my, azniyati@um.edu.my, sitimariahmazan@um.edu.my, asiisma8@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan-Penggabungan penggunaan media digital dengan kaedah tradisional *(chalk and talk, tugasan, nota, tayangan video, youtube)* secara dalam talian telah menjadi satu platform penting kepada semua guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara formal dan tidak formal semasa COVID-19. Namun, untuk merealisasikan medium baharu ini dalam kalangan guru, banyak persoalan yang perlu ditangani dengan bijak oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan semua pihak.

Objektif – Kertas kerja ini dilaksanakan untuk mendalami fenomena yang berlaku dari segi cabaran dan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian sewaktu tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP). Selain itu, objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM dalam PdP.

Methodologi – Metod yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan mendapatkan sumber data daripada kajian-kajian lepas, catatan perkembangan pembelajaran teradun daripada kumpulan-kumpulan e-didik, di bawah KPM, telegram, laman web, petikan dan berita dari seluruh Malaysia dan luar negara.

Dapatan – Cabaran yang didapati adalah bukan semua kawasan kediaman murid-murid mendapat liputan internet terutama mereka yang tinggal di pedalaman. Cabaran seterusnya ialah keluarga yang kurang berkemampuan. Melalui penyediaan bahan PdP yang kreatif dan berinovasi, para guru telah mendapat sokongan daripada pihak KPM kerana berjaya melaksanakan PdP secara dalam talian sekali gus guru dapat menjana cara berfikir murid-murid di luar kotak. Penggunaan media digital tidak mengira jarak dan masa kerana penyampaian ilmu merupakan tanggugjawab dan amanah hakiki para pendidik kepada masyarakat.Walaubagaimanapun, bukan semua kawasan mendapat liputan terutama yang tinggal di pedalaman.Terdapat juga keluarga yang kurang berkemampuan sukar menyediakan kemudahan data dan gadget untuk anak-anak mereka meneruskan PdP secara maya ini.

Kepentingan – Memberikan pendedahan kepada guru-guru dengan kursus-kursus dan latihan pengajaran yang mengintegrasikan teknologi digital secara berterusan dalam

pengajaran dan pembelajaran. Dapatan memberikan panduan kepada KPM untuk menggubal atau menambah baik kurikulum pendidikan dengan mengintegrasikan elemen-elemen lain merangkumi pengetahuan teknologi dalam pengajaran.

Kata Kunci: *Pengajaran dan Pembelajaran Teradun, teknologi digital, kreatif, inovasi*

Pengenalan

Pembudayaan penggunaan teknologi digital kini telah mendominasikan sebahagian besar dunia pendidikan. Norma pendidikan dahulu masyarakat adalah belajar di bangunan dan premis seperti di sekolah dan universiti. Secara umumnya, masyarakat telah mengetahui bahawa pada hari ini, berlakunya satu fenomena jangkitan wabak Covid-19 yang ditemui berlaku di China pada tahun 2019 dan merebak ke seluruh dunia. Akibat pendemik ini, telah memberi kesan besar kepada dunia pendidikan kerana semua kawasan terlibat penduduknya diperintahkan duduk di rumah agar tidak berisiko untuk dijangkiti. Pada 10 April 2020 lepas dan pada 09 November 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah meminta KPM melaksanakan inisiatif pembelajaran dari rumah atau *home-based learning* sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Oleh itu KPM telah mengambil langkah segera untuk menyelamatkan masa depan anak-anak yang tidak dapat bersekolah kerana semua sekolah dan agensi-agensi diperintahkan tutup sepanjang tempoh PKPP. Hasilnya kaedah utama yang digunakan untuk memastikan kurikulum dan PdP dapat dilaksanakan, KPM telah menyarankan penggunaan *Google Classroom* (GC) dan platform yang sesuai dalam PDP. Sekiranya terdapat kekangan berlaku, para guru juga dibenarkan menggunakan aplikasi yang lain seperti *Youtube, Facebook, Whatsapp, Zoom, Google Meet dan Telegram* dalam PdP. Sehingga jam 3.15 petang, 16 April 2020 dalam *Google Trends*, guru-guru di Malaysia dikesan pengguna kedua tertinggi medium *Google Classroom* di dunia. Hal ini, menunjukkan bahawa usaha guru yang jitu untuk memastikan pengajaran dapat disampaikan dalam apa juga keadaan. Perkara ini memberi kesan kepada semua sekolah, dan institusi pengajian.

Sorotan Kajian literature

Trisnani (2017) menyatakan mengenai *Use and gratifications theory*, iaitu penelitian ini menggunakan *'use and gratifications theory'* (teori penggunaan dan kepuasan). Teori ini diperkenalkan oleh Herbert Blumer dan Elihu Khatz pada tahun 1974 dalam bukunya *The Uses Of Mass Communication; Current Perpective On Gratification Research.* Teori ini banyak berkaitan dengan sikap dan prilaku para pengguna, bagaimana mereka menggunakan media untuk mencari informasi tentang apa yang mereka perlukan.Teori ini menyatakan bahawa manusia secara aktif mencari media tertentu dan isi tertentu untuk menghasilkan kepuasan (hasil) tertentu yang mana individu atau masyarakat menggunakan media dan isi media massa untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu yang dapat memberikan kepuasan bagi mereka. Jadi individu atau masyarakat mempunyai kebebasan yang lebih besar untuk memilih dan menentukan media dan isi media yang dapat

memberikan kepuasan, dibandingkan dengan kekuasaan media untuk mempengaruhi mereka.

Kaukab dan Nayab (2018) menimbulkan persoalan dalam kajiannya iaitu 'Apakah persepsi guru terhadap keberkesanan GC?'. Bilik Darjah Google boleh digunakan sebagai alat pembelajaran campuran untuk meningkatkan produktiviti bilik darjah. Kurangnya penyelidikan Google di bilik darjah, khususnya dalam konteks negara-negara membangun, mendorong keperluan untuk terus menyelidik keberkesanan kemajuan alat tersebut. Menggunakan teknologi dengan cara yang sesuai adalah salah satu cabaran terbesar untuk diuruskan oleh guru dalam persekitaran pembelajaran yang bercampur; oleh itu, ini kajian mereka difokuskan untuk menilai keberkesanan *Google Classroom* di kelas pengajian tinggi. Pembelajaran campuran ini dipanggil *'Blended Learning'*. Hasil dapatan kajiannya beliau mendapati para guru tidak menganggap GC sebagai media yang *'friendly user'*, ia memang memudahkan memberi tugasan dan menyemak kembali tugasan itu walau dimana murid-murid berada, namun menuntut masa yang panjang untuk guru menggunakannya. Murid-murid pula mengeluh mengalami masalah uploading tugasan yang lama dan sukar.

Kajian Syed Lamsah (2017), mengemukakan beberapa persoalannya yang bertujuan menghuraikan keperluan atau persediaan apabila pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan teknologi komunikasi telefon pintar, iaitu WhatsApp dan Telegram dilaksanakan. (m-pembelajaran mewakili *mixed learning*). Antaranya ialah, bagaimanakah kesediaan pelajar menerima m-pembelajaran?, Bagaimanakah keupayaan pelajar mengikuti m-pembelajaran? dan adakah penggunaan *WhatsApp* dan *Telegram* membantu pelajar menguasai hasil pembelajaran?. Procter (2003) mendefinisikan pembelajaran campuran sebagai 'Kombinasi berkesan dari pelbagai mod penyampaian, model pengajaran dan gaya belajar'. Menurut Chew, Jones dan Turner, 'pembelajaran campuran melibatkan gabungan dua bidang tumpuan iaitu pendidikan dan teknologi pendidikan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan aplikasi komputer adalah proses yang sangat berkesan kerana membantu pelajar untuk mengembangkan pelbagai kemahiran yang berkaitan dengan psikologi, komunikasi, pemikiran kritis, pemikiran ekonomi dan sosial, membuat keputusan dan lain-lain (Shahinaz, 2017).

Erika Okumura (2020) mendefinisikan *Facebook* sebagai aplikasi Android rasmi untuk keunggulan rangkaian sosial asli ikonik. Sekali lagi, aplikasi ini ada di sini untuk mempermudah pengalaman *Facebook* anda dengan menyediakan semua ciri kegemaran anda dari satu tempat. Pada dasarnya, aplikasi *Facebook* ini mempunyai semua ciri yang sama dengan versi penyemak imbas asalnya, satu-satunya perbezaan utama yang boleh perhatikan ialah pengguna tidak dapat memainkan permainan *Facebook* di atasnya. Walaupun begitu, selain permainan, pengguna akan mendapat semua kemas kini yang sama dari rakan dan keluarga, semakan garis masa, muat naik dan simpan foto, ubah status, komen dan banyak lagi dari mana-mana sahaja. Salah satu ciri terbaik aplikasi *Facebook* rasmi ini adalah pilihan untuk berkongsi semua jenis kandungan terus dari telefon pintar. Pengguna boleh memuat naik foto dan video terus dari galeri terus ke akaun *Facebook* mereka. *Facebook* untuk Android benar-benar merupakan aplikasi yang mesti dimiliki untuk sesiapa sahaja yang cukup aktif di rangkaian sosial yang diketahui oleh semua pengguna teknologi digital.

Syed Lamsah (2017) menyatakan kaedah pembelajaran teradun semakin meluas dilaksanakan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sama ada dirujuk sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), e-pembelajaran atau m-pembelajaran. Objektif kajian beliau adalah untuk meneroka potensi WhatsApp dan Telegram dalam pembelajaran (m-pembelajaran) sebagai pelengkap kepada pengajaran bersemuka dan penggunaan portal e-pembelajaran. Dapatan kajian beliau menunjukkan sebahagian besar daripada responden telah menggunakan telefon pintar sejak empat tahun lalu (71%), membayar kurang daripada RM100 sebulan (81%) dan memilih pelan prabayar (85%). Aplikasi popular ialah WhatsApp (n=60, 88.2%), Youtube (n=49, 72.1%), Facebook (n=47, 69.1%), Instagram (n=43, 63.2%), dan Google+ (n=36, 52.9%). Para pelajar didapati kurang didedahkan dengan m-pembelajaran, tidak bersedia serta kurang berpuashati dengan capaian Internet, ketiadaan garis panduan, dan kaedah penilaian. Pelajar sarjana muda program kejuruteraan, sains komputer dan teknologi maklumat dan bioteknologi lebih aktif terlibat dalam perbincangan dan perkongsian maklumat berbanding pendidikan. Sebahagian besar pelajar bersetuju m-pembelajaran membantu mereka untuk lebih memahami hasil pembelajaran, meningkatkan imej universiti, daya saing dan kebolehpasaran graduan.

Blended Learning (BL) juga merupakan satu konsep pencampuran model pembelajaran secara konvensional dengan pembelajaran secara maya melalui teknologi maklumat komunikasi (Hussin et al., 2013). Dalam pembelajaran maya ini, murid dan guru dapat bersemuka dan melaksanakan tugasan online menerusi pelbagai teknik penyampaian yang mana ia dapat menarik minat dan menghilangkan kebosanan murid kerana gaya pembelajaran yang lebih kepada literasi ICT. Objektif pengajaran merupakan target utama dalam pembelajaran *Blended Learning* berbanding dengan tempat atau bilik darjah mereka belajar. Kerana menurut O'Byrne & Kristine (2015) adalah mustahak bahawa tujuannya bukan hanya untuk mengintegrasikan teknologi di dalam kelas; sebaliknya, objektif pedagogi harus menentukan kaedah pengajaran yang berbeza (O'Byrne & Kristine, en 2015).

Caravan (2007) dalam Nursyazwani (2015) menyatakan konsep *Blended Learning* muncul pada abad ke-21 apabila konsep e-learning mula hilang kredibiliti (2007). Walaupun pada tahun 1990-an konsep *e-learning* adalah popular kerana fleksibiliti dan kelebihannya dan digunakan untuk menggantikan pembelajaran secara tradisional tetapi pelajar tidak bermotivasi dan pembelajaran *e-learning* tidak menyokong pembelajaran pelajar berikutan sistem tidak mesra dan sukar untuk digunakan dan pada masa itu pelajar tidak didedahkan dengan alat teknologi dan literasi komputer juga lemah. Melalui BL, pelajar akan lebih aktif semasa proses pembelajaran serta dapat mencari cara belajar yang sesuai bagi diri mereka. Fungsi guru hanya sebagai mediator, fasilitator dan teman yang membuat keadaan pembelajaran lebih kondusif serta terkawal. Komunikasi antara pelajar dan guru adalah berbentuk dua hala iaitu pelajar serta guru boleh berkongsi ilmu serta dikawal oleh guru semasa proses pembelajaran. Konsep BL ini akan menambah baik model pembelajaran secara tradisional melalui penggunaan teknologi (Nursyazwani (2015). Dalam kajiannya Nursyawani telah menggariskan beberapa kelebihan dan kelemahan BL antarnya ialah fleksibiliti tempat dan masa dalam penyampaian pembelajaran dan pembelajaran ini boleh dilakukan secara bersendirian dan berkumpulan serta saling melengkapi. Kelemahannya

pula termasuklah pelajar dan guru sukar untuk mengakses internet atau laman web tertentu berikutan tidak semua sekolah dan kawasan dapat capaian internet dan kekurangan kemudahan infrastruktur seperti peralatan komputer dan capaian ke Internet sama ada di rumah atau di tempat pengajian.

Google adalah alat Web 2.0 yang popular yang menawarkan banyak kemudahan dan aplikasi menarik. Google Classroom adalah alat baru yang diperkenalkan di *Google Apps for Education* pada tahun 2014. Melalui bilik darjah ini memudahkan guru membuat dan menyusun tugasan dengan cepat, memberi maklum balas dengan cekap, dan berkomunikasi dengan kelas mereka dengan senang (Izwan Nizal, 2018). *Google Inc.* juga telah memberikan sumbangan besar dalam dunia perniagaan dan akademik. *Google Apps for Education* telah ditawarkan kepada universiti di seluruh dunia. Walaupun penyedia perkhidmatan awan besar seperti Google lakukan tidak menyulitkan semua data elektronik mereka yang tersimpan dan menghubungkan data yang dapat dikenal pasti di seluruh akaun. *Google Drive* telah menjadi salah satu ciri utama Google untuk guru dan pelajar di institusi pendidikan tinggi (Krisawan Prasertsith et. al, 2016). Pelbagai bahan bermanfaat dapat diakses oleh murid-murid daripada *Google Drive* walau di mana mereka berada dengan pelbagai gadget seperti Android, tablet dan laptop atau komputer. Bahan daripada *Google Drive* ini boleh dikongsikan ke dalam GC untuk digunakan oleh murid-murid. Semua murid dan guru diberikan password daripada Gmail KPM untuk akses masuk ke dalam GC.

Telegram pula adalah aplikasi pesanan mudah alih dan desktop berasaskan awan yang berfokus pada kebolehpercayaan, kelajuan, dan keselamatan. Mereka mempunyai perisian asli untuk hampir setiap platform. Anda boleh menggunakan Telegram pada telefon pintar, tablet, dan juga komputer. Mereka mempunyai aplikasi untuk iOS (6 ke atas), Android (2.2 dan lebih tinggi), dan *Windows Phone*. Anda juga dapat menggunakan versi web Telegram mereka di *Firefox, Safari* dan *Google Chrome*. Mereka juga memiliki Telegram untuk desktop yang merangkumi Windows, Mac OS X dan Linux. Seperti yang anda lihat, mereka menyokong peranti yang paling biasa (Kim Martin, 2020)

Shahinaz (2018) pula menyatakan aplikasi bilik darjah Google bergantung pada dokumen Google dan penyimpanan awan dan surat Gmail perkhidmatan untuk memenuhi fungsi yang diperlukan, penyelidikan dan tindakan lanjut dengan pelajar, sebaliknya memberikan perkhidmatan juga menyediakan alat untuk guru terus membenarkan mereka menerbitkan tugas, kerja rumah, soal selidik dan ujian untuk pelajar dan mendapatkan jawapan kepada mereka dalam masa nyata. Pendek kata kelas Google ini boleh dijalankan dimana-mana sahaja murid-murid berada dengan syarat tempat itu mempunyai liputan internet yang mencukupi. Sekalipun di rumah, di negeri lain atau dimana sahaja kelas atas talian ini masih boleh dijalankan dan sukatan pengajaran serta pembelajaran dapat diteruskan mengikut masa ditetapkan.

Pembelajaran dengan media GC benar-benar berbeza dengan pembelajaran yang biasa dijalankan di sekolah di dalam sebuah bilik darjah. Walaupun Siti Hawa (1986) telah menegaskan bahawa suatu perubahan itu dianggap berjaya jika guru bersedia menerima idea baru dan mampu melaksanakannya di bilik darjah, namun pada masa kini, bilik darjah

bukan lagi menjadi satu premis penting untuk melaksanakan PdP. Malahan perubahan masih tetap dapat diteruskan kerana para guru hari ini semakin bersikap terbuka dan berusaha meningkatkan kemahiran teknologi maklumat dan ilmu pengetahuan dalam PdP Abad-21 walau dimana mereka berada. Guru-guru kita sudah bersedia menerima idea baru dan pelaksanaan GC telah pun mencapai kejayaannya. Walaupun penglibatan murid-murid tidak 100% kerana ada beberapa sebab dan kekangan tersendiri namun, dapatan menunjukkan prestasi penggunaan *Google Classroom* ini telah meningkat.

Metodologi

Kajian kualitatif yang bersifat naratif ini dijalankan dengan mendapatkan sumber data daripada kajian-kajian lepas, catatan perkembangan pembelajaran teradun daripada kumpulan-kumpulan e-didik, di bawah KPM, Telegram, laman web, petikan dan berita dari seluruh Malaysia.

Dapatan Kajian

Kekangan dan Permasalahan Pembelajaran Maya Sewaktu tempoh PKP (Covid-19).

Nursyazwani (2015) telah menggariskan beberapa kelebihan dan kelemahan *Blended Learning* antarnya ialah fleksibiliti tempat dan masa dalam penyampaian pembelajaran dan pembelajaran ini boleh dilakukan secara bersendirian dan berkumpulan serta saling melengkapi. Kelemahannya pula termasuklah pelajar dan guru sukar untuk mengakses internet atau laman web tertentu berikutan tidak semua sekolah dan kawasan mendapat capaian internet dan kekurangan kemudahan infrastruktur. Dalam PdP semasa PKP ramai guru memberi tugasan melalui GC. Sememangnya umum sudah mengetahui bahawa data yang besar dan laju diperlukan bagi melayari perisian tersebut. Bagi keluarga yang berkemampuan mereka tidak mempunyai masalah untuk membeli data, kredit dan menambah nilai. Namun bagi ibu bapa yang bekerja sendiri, dengan peraturan PKP yang harus dipatuhi, mereka tidak dapat keluar mencari rezeki, hanya mengharapkan bantuan wang saku yang diberi oleh kerajaan melalui BPN, Brim, dan sedikit wang simpanan yang ada di dalam bank. Terdapat juga murid yang mengadu kehabisan kertas lukisan dan pensil warna tertinggal di sekolah. Keadaan ini amat difahami oleh semua warga KPM. Oleh itu, tidak ada paksaan bagi mereka untuk melaksanakannya bagi yang kurang berkemampuan dan masalah kritikal seperti kawasan pedalaman yang sukar untuk dihubungi melalui telefon. Dalam beberapa pandangan dan komen ibu bapa pula, ada yang tidak mampu menyediakan kemudahan telefon untuk anak-anak yang ramai. Mereka hanya mengharapkan telefon yang digunakan oleh ibu bapa mereka. Hal ini merupakan satu masalah yang sukar diselesaikan kerana pelajar tidak dapat menggunakan telefon itu dengan masa yang lama untuk menyiapkan tugasan secara dalam talian. Tanpa menggunakan GC, guru telah bertindak mengirim foto untuk ditiru oleh murid melalui

telefon ibu bapanya. Selain itu, terdapat juga guru mengirim modul latihan dari rumah ke rumah murid dengan motosikal dan kereta melalui jalan berliku di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Cikgu Norhailmi Abdul Mutalib, 39, pernah disenaraikan sebagai 50 Guru Terbaik Dunia anjuran *Varkey Foundation*. Selain itu, guru subjek Sains di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jerlun, Kedah juga mencipta sejarah apabila menjadi guru pertama di negara ini yang dipilih menyertai kursus guru antarabangsa di Pusat Nuklear Eropah di Geneva, Switzerland. "Saya perlu menangani kesejahteraan mental dan emosi para pelajar kerana mereka turut terkesan dengan PKP. Sebagai contoh, terdapat pelajar yang berlatar belakang keluarga susah. Ibu bapa mereka kehilangan punca pendapatan kerana tidak dapat bekerja dan semua faktor ini perlu diambil kira," katanya. Terdapat juga dalam kalangan pelajar yang terputus atau kehabisan kredit dan tidak dapat melanggan pakej internet untuk mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian. Pada masa sama, beliau yang pernah menjadi ahli panel untuk program #MYDIGITALMAKER anjuran MDEC berkata , masalah lain yang timbul termasuklah liputan rangkaian internet yang perlahan di kawasan kampung turut mengganggu rentak pembelajaran. " Antara medium yang digunakan termasuklah WhatsApp, Telegram, /Kahoot, Quizizz, Zoom dan Microsoft Team,"

(Sumber MDEC 17 April 2020)

Ternyata bukan mudah melaksanakan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dengan konsep *Blended Learning* ini. Apa yang penting, musim PKP dan Covid-19 ini adalah peluang yang perlu digunakan dengan bijak untuk mengasah kemahiran ini. Kerjasama antara ibu bapa dan guru sangat penting dalam memastikan kejayaan pembelajaran ini. Mimi Mohaffyza (2008) menjelaskan pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah kombinasi proses pembelajaran secara berterusan di mana seluruh individu dan minda melalui situasi yang berubah-ubah untuk menghasilkan perubahan berterusan seseorang. Polisi PSH adalah sebahagian usaha kerajaan Malaysia untuk pelaburan terhadap rakyat. Pembangunan sumber manusia berterusan untuk mengekalkan strategi utama memastikan tenaga pekerja di Malaysia mampu bersaing di peringkat global. PSH menjadi wacana kepada latihan pendidikan untuk meningkatkan prestasi, kerja dan pengetahuan, kemahiran dan tahap pendidikan seseorang individu. Manakala dalam kalangan murid-murid sekolah pula amat wajar mereka mengambil peluang yang diberikan ini untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran ICT dalam pembelajaran supaya mampu bersaing dalam bidang pekerjaan dan peringkat global kelak. Menurut Pensyarah Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad, jika sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi dengan penguatkuasaan PKP, ia menjadi suatu keperluan. "Pensyarah juga harus meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat, pegagogi dan penilaian dalam talian" katanya ketika dihubungi baru-baru ini. "Tidak semua pelajar ada capaian internet yang baik di kediaman masing-masing khususnya di kampung dan pedalaman. Jadi pembelajaran dalam talian secara terus seperti aplikasi zoom mungkin pilihan kedua. "Pilihan yang baik ialah dalam talian yang bukan *'real time'* seperti menggunakan *Google Classroom,* Telegram dan sebagainya," katanya, sambil menambah, jika melihat keadaan semasa, Malaysia belum bersedia sepenuhnya menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian berikutan kekurangan prasarana, internet terutama di luar bandar (Petikan Sinar Harian, 19 Jun 2020).

Daripada pandangan yang diberikan beliau ternyata negara kita masih belum mencapai tahap memuaskan dari segi prasarana dan capaian internet. Oleh sebab itu, bukan semua murid dan pelajar dapat menggunakan gaya pembelajaran *Blended Learning* dari rumah atau di lokasi masing-masing. Malah pihak KPM juga wajar memikirkan solusi terbaik yang boleh dijadikan jalan penyelesaian sebagai intervensi kepada permasalahan ini sekiranya fenomena virus berbahaya seperti ini tidak dapat dibendung atau semakin berleluasa.

Penerokaan Cabaran Pendidikan Masa Kini dalam Peendemik Covid-19

Ramlan et. al (2008) menjelaskan persoalan dalam kajiannya mengenai Pendidikan Sepanjang Hayat: Isu, Cabaran dan Peranan, iaitu cabaran seterusnya ialah bagaimana untuk membudayakan ilmu di dalam komuniti setempat. Membudaya di sini membawa maksud supaya menjadi amalan dalam hidup. Natijahnya akan berlaku sesuatu perubahan dalam kehidupan hasil dari pemerolehan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Inilah budaya yang hidup subur dan berkembang di negara maju. Banyak lagi yang perlu dilihat dan dipertontonkan kepada kita mengapa barat berjaya membudayakan ilmu sedangkan masyarakat kita masih meraba-raba menuju kearah yang sama. Adakah sukar untuk mendapat bahan bacaan atau harganya sangat tinggi di negara kita? Adakah bahan bacaan bukan dalam bahasa sendiri menyebabkan kita kurang berminat untuk membaca kerana tidak faham?. Beliau menyifatkan sekolah dilihat mempunyai potensi yang besar untuk memainkan peranan menyuburkan kursus-kursus pendek dan sepanjang hayat kepada komuniti setempat asalkan tidak mengganggu kelangsungan pembelajaran formal yang sedia ada. Di antara peranan yang boleh dimainkan bagi meletakkan sekolah sebagai fokus kepada pelbagai pusat adalah seperti pengiktirafan sekolah sebagai pusat sosialisi dalam komuniti setempat menjadikannya hampir di hati masyarakat. Selain itu, amalan kolaborasi dan guna sama kepakaran membawa kepada menang-menang kepada sekolah.

Oleh itu untuk memastikan kejayaan pelaksanaan PdP secara *Blended Learning* ini, kerjasama murid dan ibu bapa amatlah diperlukan. Hal ini juga merupakan usaha bersama semua pihak untuk melihat kejayaan matlamat dan objektif dalam dalam PdP era pendemik covid-19, Pemikiran PAK-21, dan Elemen Merentas Kurikulum seperti literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Keberkesanan pendidikan berteraskan TMK ini mampu melahirkan pelajar yang berbakat dan keyakinan tinggi untuk bersaing dalam bidang kerjaya yang bakal ditempuhi kelak. Ketika melaksanakan pembelajaran teradun di rumah, ibu bapa tidak boleh menyerahkan tugas ini kepada guru sahaja dan penggunaan telefon juga harus dipantau. Hai ini kerana anak dapat memberi lebih tumpuan untuk menyiapkan tugasan dan tidak bermain-main ketika proses PdP sedang berlangsung.. Menurut Fatin Aliah Phang (2020) bagi pelajar sekolah, ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik anak-anak untuk mendapatkan kemahiran ini dengan menunjukkan contoh susunan jadual yang bersesuaian dengan mata pelajaran tertentu, kemudian memberikan pilihan kepada anak untuk mengubah suai jadual tersebut. Ibu bapa pada mulanya perlu membimbing anak menyusun tugasan yang diberikan oleh guru untuk diselesaikan dan dihantar kepada guru secara maya. Guru perlu memberi maklum balas kepada hasil kerja pelajar supaya mereka terus bermotivasi untuk menyelesaikan tugasan seterusnya. Pelajar juga sekali sekala diberikan peluang untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas untuk membincangkan tugasan dan pembelajaran. Lama kelamaan, pelajar boleh lebih berdikari

untuk meneruskan pembelajaran dalam talian ini. Sewaktu PKP dalam usaha menangani wabak covid-19 ini, bagi pendidik dan pentadbir TMK yang bersiap sedia untuk menutup sekolah yang berpotensi atau sedang menghadapinya berpeluang meneroka petua sumber pembelajaran jarak jauh untuk sekolah yang terjejas oleh COVID-19 melalui *G-Suite* dan *Chrome,* petua untuk membolehkan pembelajaran jarak jauh melalui *Google Meet,* unit pembelajaran jarak jauh melalui pendidikan, latihan-latihan penyediaan *GC, Google Slides* dan *Google Meet*.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan, Pentadbiran dan Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Zuraidah Abdullah, pembelajaran atas talian ini lebih fleksibel, bukan hanya menggunakan *Google Classroom*, malah boleh mengaplikasikan pelbagai aplikasi *seperti Google Meet, Microsoft Team, Zoom, Telegram* dan *WhatsApp*. Katanya Covid-19 ketika ini sehingga memaksa kerajaan melaksanakan PKP menjadi titik tolak kepada perubahan yang besar dalam sistem pendidikan Malaysia. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu melakukan anjakan paradigma untuk menguasai ilmu pengetahuan teknologi maklumat terkini bagi menangani masalah ini. Telefon pintar hanya peralatan bantuan pembelajaran bagi memastikan anak-anak dapat meneruskan pembelajaran mereka semasa di rumah. Persoalan yang timbul ialah, adakah pihak sekolah bersedia meneruskan kaedah pembelajaran maya dan bagaimana mahu menilai pembelajaran murid dan pelajar dengan lebih efektif.

KPM dan Astro Malaysia Holding Bhd (Astro) bekerjasama bagi menyiarkan slot program TV Pendidikan di saluran TUTOR TV, Astro. Kerjasama ini merupakan satu inisiatif tambahan kepada siaran slot TV Pendidikan yang kini bersiaran di saluran TV Okey, Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang telah bermula sejak 6 April 2020. Pendekatan ini dilihat dapat membantu murid yang tidak mempunyai akses capaian internet untuk mengikuti proses PdP dari rumah sepanjang tempoh PKP dan PKPP. Inisiatif ini juga merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan akses murid kepada bahan pembelajaran melalui platform alternatif selain daripada pembelajaran dalam talian. Mula bersiaran pada 4 Mei, program saluran TUTOR TV akan disiarkan selama dua jam pada Isnin hingga Jumaat.

Dalam sesi webinar Bicara Profesional "Belajar Berfikir di Luar Kotak Dalam Mendepani Norma Baharu Dunia Pendidikan" baru-baru ini, Tn Hj Adzman bin Talib yang merupakan Timbalan Pengarah Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa semua guru perlu bersedia menghadapi apa sahaja situasi baru yang lebih mencabar, sentiasa meneroka ilmu dan menghasilkan inovasi baharu untuk menyampaikan ilmu pengetahuan tersebut kepada generasi hari ini. Hal ini kerana katanya generasi hari ini bergantung pada gurunya yang ada sekarang. Keikhlasan para guru pasti dikagumi masyarakat dan mendapat ganjaran daripada Allah swt.

Usaha dan intervensi yang dibuat oleh pendidik dan KPM dalam meningkatkan penggunaan dan kemahiran guru menggunakan GC serta pelbagai platform lain.

Beberapa persoalan ditanyakan kepada YB Senator Dr. Radzi Jidin, Menteri Kanan (Pendidikan) dalam program Bicara Naratif TV1. Persoalan itu adalah dalam waktu PKP ini, iaitu bagaimana KPM melihat anak-anak dan guru dalam fasa tersebut. Menurut beliau,

beliau berasa beryukur kerana awal PKP berlaku pada cuti sekolah. “PKP1 memberi ruang kepada mereka untuk bercuti. Masuk PKP2, KPM keluarkan panduan mengenai PdP di rumah. Kaedah pengajaran serah kepada guru. Tak semua pelajar ada akses *online learning*.. Jadi dilonggarkan kaedah pengajaran. Ada yang balik kampung tidak bawa balik material, ada yang tinggal di asrama. Tak apa itu kekangan. Kita lakukan apa yang terbaik berdasarkan apa yang ada. Sesi 2 jam TV Pendidikan setiap hari yang menekankan pelajar peperiksaan. Bermula kepada minggu hadapan di Okey Channel. Kerjasama KPM dan KPMM. Untuk beri ruang kepada pelajar, guru dan ibu bapa. *Online learning* biasa di sekolah. Sekarang di rumah. Kita sedar banyak kekangan. KPM sedar. KPM akan terus berusaha memberikan yang terbaik”.

Di Sabah, akses internet di kawasan luar bandar menjadi isu selama bertahun-tahun, Pengarah Pendidikan negeri Mistrine Radin memberitahu FMT bahawa mereka bekerjasama dengan mempromosikan aplikasi pesanan mesej. Mistrine menggesa ibu bapa yang tidak mempunyai telefon pintar atau akses internet memastikan kerja sekolah yang diberikan oleh guru sebelum cuti penggal lalu siap dan diserahkan selepas tamat PKP. “Bagi ibu bapa atau pelajar yang mempunyai telefon pintar dan dapat membeli data, saya galakkan mereka mendaftarkan nombor telefon mereka di kumpulan *WhatsApp* atau Telegram (Petikan freemalaysiatoday.com).

Guru-guru Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Bulau, Bekenu, Miri misalnya memanfaatkan teknologi yang ada untuk sentiasa berhubung dengan ibu bapa murid bagi memastikan mereka kekal belajar apabila di rumah. Guru Besarnya, Anita Othman berpendapat sesi PdP boleh dijalankan dalam tempoh PKP ini sekiranya ada komitmen yang diberikan daripada ibu bapa. “Walaupun ada daripada mereka tidak ada talian internet untuk melayari *Google Classroom*, namun aplikasi *WhatsApp* juga boleh digunakan. “Kami (guru-guru) tak bagi kerja sekolah yang menyusahkan ibu bapa untuk pergi cetak, guna *WhatsApp* pun dah boleh. “Mereka boleh merujuk kepada buku teks sedia ada, guna buku aktiviti dan kalau membaca, guru akan suruh ibu bapa hantar video kepada mereka. “Apa yang penting di sini murid dapat meneruskan belajar dan kerja rumah mereka mesti disemak oleh guru dan kemudiannya dikongsi, baru mereka ada semangat nak buat,” katanya ketika dihubungi Utusan Borneo di sini, semalam. Terdahulu, melalui kiriman di laman *Facebook* Ahli Parlimen Sibuti Lukanisman Awang Sauni memaparkan gambar-gambar murid-murid SK Kampung Bulau yang menghasilkan lukisan *‘Stay At Home’* sebagai satu mesej kepada semua untuk mematuhi tempoh PKP ini. Menurut beliau lagi lukisan yang dihasilkan merupakan gabungan daripada pembelajaran subjek Pendidikan Seni Visual, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sains (Sumber Utusan Borneo, 19 Jun 2020).

Dalam pada itu, KPM dan *Uniceff* tidak mengabaikan murid-murid khas yang menmpunyai masalah pendengaran dan penglihatan. Untuk murid bermasalah pendengaran, bahan pengajaran yang dibina menggunakan *Google Slide*, pembentangan boleh dibuat dengan sarikata. Namun begitu, sarikata ini hanya berfungsi dengan penggunaan bahasa Inggeris. Sari kata boleh membantu murid yang mempunyai masalah pendengaran untuk mengikuti pembentangan guru. Fitur sarikata *Google Slides* boleh menapis kata-kata tertentu seperti kata pengisi "uhmm", "ahh" atau kata-kata kesat. Bagi murid dengan masalah penglihatan

pula, pembaca skrin adalah suara yang membacakan teks yang ada pada skrin komputer. Aplikasi Google seperti *Google Classroom, Google Docs, Google Slides, Google Form* dan sebagainya boleh digunakan oleh pembaca skrin untuk sistem operasi seperti ChromeOS: dengan penggunaan pembaca skrin *ChromeVox, Microsoft Windows*: penggunaan pembaca skrin JAWS atau NVDA, Mac: melalui penggunaan *Chrome* atau *VoiceOver*.

Perbincangan

Semua pendidik perlu memanfaatkan teknologi yang ada untuk sentiasa berhubung dengan ibu bapa dan murid bagi memastikan mereka kekal belajar apabila di rumah. Sesi PdP boleh dijalankan dalam tempoh PKP ini sekiranya terdapat komitmen yang tinggi diberikan oleh ibu bapa dan murid. Memandangkan sejumlah besar sekolah di Malaysia menghadapi penutupan akibat COVID-19, KPM (Sektor Pengintegrasian Teknologi Pendidikan, Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan) bersama dengan *Google for Education* menyediakan teknologi untuk pembelajaran dalam talian dan sumber pembelajaran untuk membantu guru dan pelajar menjalankan PdPc. Program webinar diwujudkan agar para guru dapat memahami pelbagai cara untuk pembelajaran dalam talian. Siri webinar adalah sebahagian daripada LDP berkumpulan KPM dalam SPLG. Ketika menghadapi kawalan pergerakan ini, murid-murid tidak dapat bersua dengan para guru untuk bertanya mengenai permasalahan dalam pembelajaran mereka. Oleh itu, salah seorang guru perlu mengadakan PdP secara dalam talian untuk menunjukkan kaedah pembelajaran dan pelajar boleh mengutarakan soalan dalam ruangan yang disediakan di *GC dan Facebook.* Kini jarak lokasi bukan lagi menjadi satu masalah dalam *Blended Learning*.

Satu lagi langkah kerajaan dalam usaha mendekatkan dan memudahkan penggunaan GC adalah melalui penubuhan akaun email e-didik. Sekumpulan sukarelawan guru dan merupakan sebuah pasukan yang menawarkan altenatif sokongan pendidikan kepada para guru di seluruh Malaysia secara percuma. Antara inisiatif yang ditawarkan ialah ; ID G-Suite menggunakan kaedah pengajaran yang membantu guru dalam PdP. Penghasilan modul dan tutorial berasaskan teknologi pendidikan seperti e-rph, m-sims dan PBD secara dalam talian. Khidmat jurulatih-jurulatih professional dalam bidang teknologi pendidikan dan pedagogi. Hal ini membolehkan mereka berkolaborasi pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan sekumpulan alat untuk pendidikan. Dengan *G Suite for Education,* pendidik dapat mewujudkan peluang untuk belajar, menyelaraskan tugas pentadbiran, dan mencabar pelajarnya untuk berfikir secara kritis dan semuanya tidak mengganggu aliran kerja semasa. Alat G Suite untuk Pendidikan sangat hebat tetapi berfungsi dengan lebih baik bersama.

Hasil penelitian kajian ini, dicadangkan, agar kajian yang lebih terperinci dilaksanakan pada masa akan datang . Cadangan kajian pertama ialah pengkajian aspek pembelajaran kendiri dalam PdP yang meneliti pendekatan guru yang sesuai dengan platform tersebut. Seterusnya, meninjau tahap keberhasilan dan pencapaian pelajar melalui PdP secara maya

semasa PKP (Covid-19). Ketiga, mengkaji perancangan KPM dan dasar-dasar pendidikan dalam mendepani cabaran situasi pembelajaran yang tidak dijangka pada masa hadapan.

Penutup

Kajian ini bertujuan mendalami dan meneroka permasalahan yang terdapat dalam pembelajaran secara maya di rumah, mengetahui intervensi yang dijalankan oleh KPM dalam mendepani cabaran masa kini dengan pelbagai situasi yang tidak dapat dijangka. PdP boleh berlaku di mana-mana sahaja dengan menggunakan platform samada *Google Classroom, WhatsApp, Facebook* dan *Telegram* atau apa sahaja platform dalam membantu pelajar menguasai hasil pembelajaran. Namun begitu, tetap terdapat kelebihan dan kekurangan yang perlu diatasi dan difahami dalam suasana pendemik Covid-19 ini. Kerjasama daripada pelbagai pihak seperti, guru, ibu bapa, dan sokongan KPM amat diperlukan dalam memastikan kejayaan dan keberhasilan pembelajaran teradun ini melalui alam maya.

Rujukan

Asif Irshad Khan, Noor-ul Qayyum, Mahaboob Sharief Shaik, dan Abdullah Ali (2012). *Study of*

Blended Learning Process in Education Context. King Abdulaziz University, I.J.Modern Education and Computer Science, 2012, 9, 23-29 Published Online September 2012 in MECS (http://www.mecs-press.org/) DOI: 10.5815/ijmecs.2012.09.03

Astroawani (2020). Kerjasama Astro dan KPM bantu pelajar akses bahan pembelajaran melalui Tutor

TV. 241565. http://www.astroawani.com/berita-Malaysia

Bernama (2 April 2020). Cabaran mengajar dalam talian.

https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional

Erika Okumura (14.5.2020)Facebook forAndroid.https://facebook.en.uptodown.com/android

Firdaus Azil (12 April 2020). Pkp rapatkan jurang pembelajaran digital antara murid bandar dan luar

Bandar http://www.astroawani.com/berita-malaysia 237999

https://www.youtube.com/watch?v=6GwVOXHYZlQ&feature=youtu.be

https://www.gpsbestari.com/artikel/inilah-kisahku/walaupun-saya-guru-oku-saya-tetap-beri-latihan-

untuk-murid-jawab-di-rumah-cikgu-mohd-huzaire-1.934002

Hussin, Z., Siraj, S., Darusalam, G. & Mohd. Salleh, N. H. (2013). *Kajian Model Blended Learning*

Dalam Jurnal Terpilih: Satu Analisa Kandungan. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil 1(2), 20–31.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016*) Kurikulum Standard Sekolah Menengah* , Pendidikan Seni
Visual, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 2.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2019) Google Classroom.
https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/google-classroom-gc

Kim Martin (24.2.2020). Kajian Telegram Messenger. https://temnonebo.org/cat-pemesejan/kajian-telegram-messenger/

Komuniti Guru Digital Learning. https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/ldp-digital-learning/aksesibiliti-untuk-semua

Mohd Asnawi Satdimin, Md Shufian Awang, Avelyn Siang, Nur Atiqah Basri. (2010). *Apakah Yang*
Dimaksudkan dengan kurikulum. Bincangkan Pendapat dan pandangan pakar-pakar tentang kurikulum. Jabatan Kemahiran Hidup, Fakulti Teknik Dan Vokasional. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mohd Firdaus Ismail (17 April 2020). Guru Terbaik Dunia Kongsi Pengalaman Digitalkan Pelajar Luar Bandar. https://mdec.my/blog/?p=576

Nor Hidayati Mokhtar (7 April 2020) Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. https://news.utm.my/ms/2020/04

Nursyazwani Zainul Abidin (2015) Pusat Pendidikan Tinggi Awam/Penerbitan/Dimensi _Koop/DimensiKoop46/*BLENDED-LEARNING-DALAM-PEMBELAJARAN*.pdf

O'Byrne, W. Ian, & Pytash, Kristine E. (2015). *Hybrid and Blended Learning*. Journal of Adolescent & Adult Literacy, 59(2), 137–140. https://doi.org/10.1002/jaal.463

Rana Hamzah dan Zamri Mahamod, Aplikasi Google Plus Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
(Pdpc) Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah (Google Plus Application in Learning and Facilitation (Pdpc) Malay Language Primary School Pupils) Sekolah Kebangsaan Merlimau Dua Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, d-zam@ukm.edu.my

Shaharuddin Bin Md. Salleh & Ahmad Khairi Bin Mat Ali Pe (2008). *Pembangunan Web E-*

Pembelajaran Menggunakan Elemen Video Dalam Topik 'Work And Energy' Berasaskan Teori Konstruktivisme Sosial. Skudai: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

Siti Hawa Ahmad. (1986). *Implementing A New Curriculum for primary Schools*. A case Study from
Malaysia. Phd Thesis, Universiti of London (unpublished)

Syed Lamsah Syed Chear, (2017): *In Press (Pratatapan) Pengajaran dan Pembelajaran Melalui*
Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta (Teaching and Learning Through WhatsApp and Telegram Application at a Private University). Jurnal Pendidikan Malaysia 42(2)

Trisnani (2017). Peneliti Madya Balai Pengkajian dan Pengembangan Komunikasi dan Informatika.
Jurnal Komunikasi, Media dan Informatika Volume 6 Nomor 3 / November 2017 1 Pemanfaatan Whatsapp Sebagai Media Komunikasi dan Kepuasan Dalam Penyampaian Pesan Dikalangan Tokoh Masyarakat. (BPPKI) Surabaya Jln. Raya Ketajen No. 36, Gedangan, Sidoarjo. Email : tris010@kominfo.go.id Diterima : 14 Oktober 2017| Direvisi : 21 Oktober 2017 | Disetujui : 29 Oktober 2017

Utusan Borneo Online (2020).Guru ambil pelbagai pendekatan pastikan pendidikan murid tidak
terjejas. https://www.utusanborneo.com.my.2020/04/16